

## → BISNES

# Aspirasi Greater KL sebagai tunjang pertumbuhan negara

**Bersama  
InvestKL  
@ InvestKL  
Pemacu  
Greater KL**



**Md Riyadah Dahalan**

Ketua Khidmat Pelabur, InvestKL

**K**uala Lumpur yang dahulu hanya sebuah pekan perlombongan bijih timah yang dikelilingi dengan hutan tebal, kini berubah menjadi kota metropolitan yang serba moden. Transformasi ketara yang mengubah dinamik Kuala Lumpur pada hari ini dilihat sebagai simbol aspirasi dan kemegahan negara.

Perihal pentingnya kemajuan Kuala Lumpur sebagai enjin pertumbuhan ekonomi Malaysia sememangnya tidak dapat dinafikan. Fakta pokok ini menjadi semakin ketara sejak kerajaan meletakkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020.

Justeru, bertitik tolak daripada matlamat itulah, maka kerajaan pada 2010 telah menjadikan Greater Kuala Lumpur (Greater KL) sebagai salah satu Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Nasional iaitu satu-satunya NKEA yang bersifat lokasi daripada 11 NKEA yang lain yang

bersifat industri.

Di bawah pelan NKEA, buat pertama kalinya kawasan sekitar Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Lembah Klang, berubah menjadi pelan holistik bandar raya tunggal.

Sebanyak 9 munisipaliti di Selangor digabungkan bersama. Namun ia tidak boleh dikelirukan dengan ciri metropolitan lain seperti Greater London yang mempunyai sebuah kerajaan tempatan tersendiri. Greater KL adalah satu pelan ekonomi yang bersifat geografik bagi membentuk sebuah metropilitan yang bersepadu.

Sememangnya persaingan untuk bakat dan pelaburan adalah semakin sengit di antara bandar raya dunia. Oleh yang demikian, kita tidak harus leka dengan kemegahan pencakar langit yang sedia ada kerana banyak kota lain yang kian pesat membangun.

Maka bagi menjamin Greater KL kekal kompetitif, Greater KL dirancang untuk mencapai 4 matlamat utama; iaitu meningkatkan jumlah penduduk melalui proses konurbasi,

meningkatkan peratusan sumbangan kepada pendapatan negara kasar, menarik bakat terbaik dan meningkatkan tahap daya huni.

#### 4 kategori projek inisiatif

Bagi mencapai matlamat ini, 4 kategori projek inisiatif (EPP) di bawah NKEA telah direncanakan. Pertamanya, menjadikan Greater KL sebagai magnet pelaburan dan bakat melalui usaha menarik syarikat multinasional dan juga bakat-bakat terbaik dunia. Kedua, mempertingkatkan jaringan pengangkutan awam. Ketiga, menambah mutu infrastruktur awam bagi meningkatkan tahap daya huni dan keempat menjamin kelestarian bandaraya melalui inisiatif mengoptimalkan sumber.

Usaha menarik syarikat multinasional (MNC) ke Greater KL bukanlah satu pelan strategi yang baharu. Namun tidak banyak di antara syarikat multinasional ini mempunyai hab serantau sebenar mereka di Greater KL. Yang dikatakan hab serantau ialah apabila kepala pem-

buat keputusan sesebuah MNC itu berserta dengan penjawat eksekutif lain berada di sesebuah lokasi itu. Untuk sekian lamanya Singapura ataupun Hong Kong menjadi pilihan MNC ini.

Menyedari hakikat ini kerajaan menubuhkan InvestKL iaitu salah satu EPP yang ditubuhkan hasil daripada NKEA bagi tujuan untuk menarik pelaburan daripada MNC. InvestKL dipertanggungjawabkan untuk menarik 100 MNC terbesar dunia untuk melabur di Greater KL menjelang 2020.

Sejak penubuhannya, InvestKL pada hari ini dengan sokongan agensi pelaburan lain seperti MIDA dan MDEC berjaya menarik lebih daripada 50 MNC dari benua Amerika, Eropah dan Asia Timur untuk membuka operasi serantau mereka. Kekuatan sokongan ekosistem Greater KL dari segi pentadbiran perniagaan, bakat, inovasi, percuaiian dan sebagainya menjadi faktor utama mendorong MNC ini ke sini meskipun direntangi kemelut geopolitik dan ekonomi mencabar.